

## NOTA MAKLUMAN

### KES ADUAN

#### PENCEMARAN KESAN BEBOLA TAR DI PANTAI KG. PANDAK, CHENDERING, TERENGGANU DARUL IMAN

22 APRIL 2016

#### TUJUAN

Nota Makluman ini adalah untuk memaklumkan hasil siasatan susulan kes aduan pencemaran bebola tar, di Pantai Pandak, Chendering, Terengganu Darul Iman yang dilaporkan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu pada **22 April 2016, jam 6.55 petang**.

#### LATARBELAKANG

2. Nota Makluman ini disediakan susulan daripada aduan mengenai pencemaran bebola tar oleh **kakitangan Jabatan Laut Wilayah Timur** yang dilaporkan berlaku pada **22 April 2016** di Pantai Kg Pandak, Chendering, Kuala Terengganu. Kes aduan ini diterima oleh Ibu Pejabat, Jabatan Alam Sekitar Malaysia di Putrajaya pada 22 April 2016 lebih kurang 06.50 petang, yang telah dipanjangkan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu pada 22 April 2016 lebih kurang 06.55 petang oleh petugas Bilik Kawalan.

#### PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

3. Maklumat awal yang diterima dari kakitangan Jabatan Laut Wilayah Timur di lokasi kejadian memaklumkan mengenai kehadiran bebola tar di kawasan Pantai Kg. Pandak, Chendering (5.271207° N, 103.183201° E ) di Daerah Kuala Terengganu. Berdasarkan maklumat awal yang diterima daripada pasukan penyiasat, dianggarkan kesan bebola tar ini telah mencemari kawasan pantai sejauh kira-kira 1km. Penilaian awal pihak Jabatan mendapati aduan yang dikemukakan oleh pengadu adalah **berasas** berdasarkan gambarfoto yang diambil di lokasi kejadian (**rujuk Gambarfoto 1 di Lampiran 1**) .

4. Siasatan lanjut yang telah dijalankan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu dan juga maklumat-maklumat yang diperolehi semasa siasatan dijalankan adalah seperti berikut:-

#### 4.1 Siasatan Pada 23 April 2016

- (i) Tinjauan lanjut mendapati pencemaran bebola tar di kawasan Panta Kg.Pandak ini didapati semakin **berkurangan** berbanding semalam (**rujuk Gambarfoto 2 dan 3 di Lampiran 1**).
- (ii) Keadaan pasang surut air memungkinkan bebola tar dibawa ombak ke laut semula dan seterusnya terdampar di kawasan pantai yang lain sekiranya tidak dibersihkan dengan segera.
- (iii) Pasukan penyiasat turut mengesan kehadiran bebola tar yang telah **keras dan berwarna hitam** di kawasan Pantai Kg. Pandak. Ciri-ciri fizikal bebola tar yang ditemui di sini adalah berbentuk tidak sekata dengan anggaran saiz antara 3cm x 5cm panjang.
- (iv) Tinjauan di sepanjang pantai yang terdapat bebola tar **tidak** menemukan sebarang aktiviti yang berpotensi mengakibatkan pencemaran tersebut.

### TINDAKAN-TINDAKAN JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI TERENGGANU

5. Sampel bebola tar berwarna hitam yang ditemui di kawasan Pantai Kg. Pandak, Chendering, Kuala Terengganu telah diambil dan akan dikemukakan kepada Jabatan Kimia Malaysia Cawangan Kuala Terengganu bagi analisis lanjut komposisi bahan dan juga untuk rujukan profil.

6. Perkara ini turut dimaklumkan kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) pada hari ini, 23 April 2016, supaya memaklumkan pihak JAS sekiranya terdapat sebarang maklumat baru tentang punca yang berpotensi mengakibatkan pencemaran bebola tar tersebut.

7. Memaklumkan kepada PBT untuk tindakan pembersihan bebola tar dikawasan Pantai Kg. Pandak, Chendering, Kuala Terengganu.

## **PENUTUP**

Adalah dipohon mengambil maklum mengenai hasil siasatan lanjut ke atas kes pencemaran bebola tar di Pantai Kg Pandak, Chendering, Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman pada 22 April 2016.

**Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu**  
**23 April 2016**



**GAMBARFOTO 1: KESAN BEBOLA TAR YANG MENCEMARKAN PANTAI KG. PANDAK, CHENDERING, KUALA TERENGGANU (GAMBAR IHSAN KAKITANGAN JABATAN LAUT WILAYAH TIMUR)**



**GAMBARFOTO 2: KESAN BEBOLA YANG SEMAKIN BERKURANGAN DI KAWASAN PANTAI KG. PANDAK, CHENDERING, KUALA TERENGGANU (DIRAKAM PADA 23 APRIL 2016)**



**GAMBARFOTO 3: KESAN BEBOLA YANG SEMAKIN BERKURANGAN DI KAWASAN PANTAI KG. PANDAK, CHENDERING, KUALA TERENGGANU (DIRAKAM PADA 23 APRIL 2016)**